



## "TUNTUTAN MEMELIHARA NYAWA".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
5	<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian, marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan didunia dan diakhirat.
6	Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>"TUNTUTAN MEMELIHARA NYAWA."</b>
7	Membunuh diri adalah suatu perbuatan jenayah dan tindakan yang menyebabkan kematian kepada diri sendiri. Ia dilakukan dengan pelbagai cara, sama ada dengan mengantung diri sendiri, meminum racun atau terjun dari tempat yang tinggi. Tindakan membunuh diri merupakan suatu perbuatan yang ditegah dalam ajaran Islam dan merupakan salah satu dosa besar. Ini bertepatan dengan larangan yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ia sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah yang dianjurkan oleh Islam dengan keutamaan memelihara nyawa, agama, akal, keturunan dan harta benda.



<p>Tegahan membunuh diri ditegaskan oleh Allah di dalam ayat yang telah dibacakan pada awal khutbah ini dalam surah An-Nisa' ayat 29 yang bermaksud:</p> <p><i>"Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah Maha Penyayang kepadamu."</i></p>	8
<p>Berdasarkan kepada ayat tersebut, nyawa adalah milik Allah. Dialah yang menghidup atau mematikan seseorang, manusia tidak mempunyai hak menentukan hidup matinya dengan cara menyebabkan kematian kepada diri sendiri.</p> <p><b>Muslimin sekalian,</b></p>	9
<p>Sejak akhir-akhir ini kita dapat melihat laporan berita di dada-dada akhbar dan media sosial berkaitan peningkatan kes bunuh diri. Semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, kita dikejutkan dengan pelbagai insiden bunuh diri. Data Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes bunuh diri pada tahun 2019 adalah sebanyak 609 manakala tahun 2020 sebanyak 631 kes dan bagi tempoh Januari hingga Mei tahun 2021 sebanyak 468 kes bunuh diri dilaporkan. Secara purata dua kes dilaporkan berlaku setiap hari sejak 2019 hingga Mei 2021.</p>	10



<p>Kebelakangan ini kejadian bunuh diri berlaku akibat daripada tekanan sama ada dari segi mental atau fizikal. Tekanan emosi dan masalah yang dihadapi boleh mengakibatkan segelintir individu mengambil jalan singkat dan tindakan diluar jangkaan seperti bunuh diri atau mencederakan diri sendiri. Walau sesukar mana ujian yang ditentukan oleh Allah kita perlu menerimanya dengan penuh kesabaran. Namun begitu, tidak dinafikan wabak Covid-19 adalah satu bentuk ujian Allah Taala. Jangkitan dan penularan yang merebak dengan pantas menjadikan kita panik. Berlaku kematian dalam kalangan mereka yang kita cintai dan sayangi, diberhentikan kerja dengan kesukaran menyara keluarga akhirnya dihimpit kesempitan hidup sehingga mencetuskan tekanan dan hilang pertimbangan iman. Oleh itu, ia mendorong keinginan untuk bunuh diri akibat berputus asa dengan rahmat Allah. Apabila berlaku sesuatu yang berlawanan dengan kehendak diri, disitulah berlakunya tekanan. Apa yang luar biasa kita memilih untuk berkekrisis menyalahkan takdir atas apa yang berlaku lantas mendorong keinginan untuk membunuh diri akibat berputus asa dengan rahmat Allah SWT.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	11
<p>Situasi yang berlaku hari ini amat membimbangkan kerana terdapat pertambahan kes pada setiap tahun. Sebagai Muslim kita perlu berfikir bagaimana perbuatan ini dapat dikekang agar tidak menjadi barah dalam masyarakat. Dalam hal ini, kita perlu berasa takut dengan ancaman terhadap tindakan bunuh diri yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu'Anhu:</p> <p>مَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَتَوَجَّأُ بِهَا فِي بَطْنِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلِّدًا فِيهَا أَبَدًا، وَمَنْ شَرِبَ سُمًّا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلِّدًا فِيهَا أَبَدًا. وَمَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ يَتَرَدَّى فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا مُخَلِّدًا فِيهَا أَبَدًا</p>	12



<p><i>“Barangsiapa yang membunuh diri dengan pisau, maka kelak pisau di tangannya, dia akan menikam ke perutnya pada hari kiamat di neraka Jahanam, dia kekal di dalamnya selama-lamanya. Dan barangsiapa membunuh diri dengan meminum racun, maka racunnya di tangannya, dia akan meminumnya di neraka Jahanam, dia kekal di dalamnya selama-lamanya. Dan barangsiapa terjun dari (atas) gunung, sehingga dia mati, maka kelak dia akan terjun (dari tempat tinggi) di neraka Jahanam dan dia kekal di dalamnya selama-lamanya.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	13
<p>Berdasarkan kepada hadis Nabi tersebut, bunuh diri merupakan perbuatan terkutuk yang dilarang Allah. Pelakunya akan diazabkan Allah di hari akhirat nanti dan tiada sesiapa pun akan terlepas dari azab-Nya.</p> <p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	14
<p>Individu Muslim perlu memantapkan keimanan agar perbuatan bunuh diri tidak menjadi satu penyelesaian masalah kehidupan apabila berputus asa. Antara saranan khatib untuk menghindari dari melakukan perbuatan tersebut:</p> <p>Pertama: Bersabar dengan ujian dan istiqamah mendirikan solat. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 153:</p> <p style="text-align: center;"><b>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ</b></p> <p style="text-align: right;"></p>	15
<p><i>“Hai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan (mengerjakan) solat, sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”</i></p>	16



<p>Kedua: Hendaklah sentiasa berzikir lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan ujian kerana dengan berzikir itu akan membawa ketenangan dalam hati dan menghilangkan kegelisahan bahkan dapat mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara lain yang tidak berfaedah untuk merasai ketenangan dan kebahagiaan.</p>	17
<p>Ketiga: Rawatlah dukacita dengan doa. Nabi SAW pernah mengajarkan beberapa doa yang masyhur kepada para sahabat bagi menghilangkan kesedihan dan dukacita.</p>	18
<p>Antara doa yang dibaca oleh Nabi SAW adalah sepertimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu'Anhu:</p> <p>اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَضَلَعِ الدِّينِ، وَغَلْبَةِ الرَّجَالِ.</p>	19
<p><i>"Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari (hal yang) menyedihkan dan menyusahkan, lemah dan malas, penakut dan bakhil, lilitan hutang dan penindasan orang."</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	20



<p>Namun sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dijangka dan tidak disangka maka bersabarlah. Belum tentu itu satu keburukan. Malah setiap ujian dan dugaan hidup perlu dihadapi dengan sabar. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 155</p> <p>وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾</p>	21
<p><i>“Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.”</i></p>	22
<p>Keempat: Hendaklah mengajukan permasalahan yang dihadapi kepada ahli keluarga, sanak saudara dan lain-lain individu yang boleh dipercayai untuk mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar. Oleh itu, semua pihak perlu terlibat memberi sokongan kepada masyarakat yang hidup dalam keadaan tertekan sehingga sanggup mengambil tindakan nekad membunuh diri. Pimpinan masyarakat, komuniti, NGO dan individu perlu tampil dengan idea dan cadangan untuk membantu dan menyokong masyarakat yang terkesan. Bersama-sama kita berganding bahu, mendukung aspirasi dan usaha yang digerakkan oleh kerajaan untuk membantu mereka yang terjejas.</p> <p><b>Hadirin sekalian,</b></p>	23



<p>Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita. Antaranya ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah memantapkan akidah Islamiah dengan meyakini bahawa ujian yang diberikan oleh Allah SWT adalah tanda sayangnya Allah itu kepada hamba-hamba-Nya.</li><li>2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kehidupan didunia ini adalah satu ujian yang akan dihisab segala apa yang dilakukannya pada hari akhirat nanti.</li><li>3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa membunuh diri adalah satu perbuatan yang dilarang oleh Islam dan berdosa besar.</li><li>4. Umat Islam hendaklah berusaha mengambil langkah-langkah positif dalam menyelesaikan masalah kehidupan lebih-lebih lagi dalam suasana PKPD ini dengan merujuk pihak-pihak yang berwibawa dan berautoriti.</li></ol>	24
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾</p>	25
<p><i>“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Zumar : 53).</i></p>	26



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	27
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	28




## KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	7
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَاَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَطَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21
	22



<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدُكُرْكُمُ وَأَشْكُرُوهُ ۗ إِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ كَثِيرَةٌ ۗ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24